



# BULETIN

## MAJLIS DAERAH KERIAN

BIL.  
**1**  
2025



### PENYERAHAN PELAN INDUK **LANDSKAP 2035** MAJLIS DAERAH KERIAN

### MENARIK DI DALAM



**MAJLIS PELANCARAN KERIAN  
DIGITAL COMMAND CENTER**



**PERTANDINGAN AKHIR  
INOVASI MALA 3.0:  
PIALA YB MENTERI KPKT  
TAHUN 2024-2025**



**BENGKEL PELAN STRATEGIK MDK  
2025-2030**

# Tisi Kandungan

**4**

▪ PENYERAHAN PELAN INDUK LANDSKAP 2035 MAJLIS DAERAH KERIAN DARIPADA JABATAN LANDSKAP NEGARA SEMENA SAMBUTAN HARI BUMI 2025 DAN KEMPEN PENGHIJAUAN KERIAN

**11**

▪ KERIAN HIJAU, BERSIH & INDAH

**5**

▪ PROGRAM SAMBUTAN HARI BUMI 2025 DAN KEMPEN PENGHIJAUAN KERIAN

**12**

▪ PROGRAM TURUN PADANG

**6**

▪ MAJLIS KUNJUNG HORMAT DAN PERBINCANGAN AWAL PEMBANGUNAN KAWASAN INDUSTRI LEMBAH BERIAH  
▪ TAKLIMAT BERKAITAN PROJEK-PROJEK BERIMPAK TINGGI DAN BERPOTENSI DI DAERAH KERIAN, PERAK DALAM KAWASAN JAWATANKUASA PERANCANG WILAYAH BAGI NEGERI-NEGERI DI UTARA MALAYSIA

**20**

▪ ZUMBA JOM SIHAT BERSAMA KOMUNITI  
▪ SENAMROBIK & ZUMBA JOM SIHAT BERSAMA KOMUNITI PARIT BUNTAR

**7**

▪ PERTANDINGAN AKHIR INOVASI MALA 3.0: PIALA YB MENTERI KPKT TAHUN 2024 - 2025

**21**

▪ PROGRAM KEMAMPANAN KOMUNITI BANDAR 2025 KARNIVAL SEMARAK KERIAN

**8**

▪ SESI PERKONGSIAN ILMU PROJEK INOVASI BERSAMA JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT BAGAN SERAI  
▪ SESI PENGENALAN SISTEM PENGURUSAN ASET ALIH KERAJAAN OLEH KUMPULAN KIK KSTAR

**22**

▪ MAJLIS APRESIASI DAN ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG TAHUN 2024  
▪ KUNJUNGAN HORMAT DARI PEJABAT KESIHATAN DAERAH KERIAN DAN KLINIK KESIHATAN PERGIGIAN DAERAH KERIAN

**9**

▪ BENGKEL PELAN STRATEGIK MDK 2025 - 2030  
▪ MAJLIS SAMBUTAN AIDILFITRI PERINGKAT MAJLIS DAERAH KERIAN

**23**

▪ ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG 2024 MAJLIS DAERAH KERIAN

**10**

▪ CERAMAH INTEGRITI: IBRAH KORBAN DALAM KEHIDUPAN DAN KERJAYA MEMBANGUN INTEGRITI  
▪ MAJLIS PELANCARAN KERIAN DIGITAL COMMAND CENTER

**24**

▪ ANUGERAH PERKHIDMATAN TERPUJI 2024 MAJLIS DAERAH KERIAN  
▪ PENERIMA PERSARAAN BAGI TEMPOH 1 FEBRUARI 2025 HINGGA 8 APRIL 2025 MAJLIS DAERAH KERIAN

# Sidang Redaksi

## **PENASIHAT**

PUAN NORHAFISAH BINTI HAJI MOHAMAD

## **JURUGAMBAR**

UNIT MEDIA MAJLIS DAERAH KERIAN

## **EDITOR**

KETUA-KETUA JABATAN/ BAHAGIAN/UNIT MDK

KELAB SUKAN DAN KEBAJIKAN MDK

## **KETUA EDITOR**

PUAN NORAZIAH BINTI ZAINOL ABIDIN



*A*ssalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

*S*egala puji dan syukur dipanjatkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia serta rahmat-Nya, Majlis Daerah Kerian sekali lagi berupaya menerbitkan Buletin Tahun 2025 sebagai wadah perkongsian ilmu, maklumat dan aspirasi pembangunan daerah tercinta. Tahun 2025 merupakan mercu tanda penting dalam perjalanan Majlis Daerah Kerian untuk terus melangkah gagah ke arah pembinaan sebuah daerah yang mampan, berdaya saing dan berwibawa. Seiring dengan arus globalisasi serta tuntutan Revolusi Industri 4.0, Majlis tidak boleh lagi berfikir secara konvensional, sebaliknya perlu tampil dengan pendekatan yang kreatif, progresif dan berinovasi tinggi dalam setiap aspek pentadbiran dan penyampaian perkhidmatan. Kejayaan yang telah dicapai bukanlah hasil usaha individu, tetapi terhasil daripada kolaborasi erat antara kepimpinan Majlis, warga kerja yang berintegriti, komuniti setempat yang prihatin serta sokongan strategik daripada agensi kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan dan sektor swasta. Sinergi inilah yang menjadi tonggak utama dalam merealisasikan visi menjadikan Kerian sebagai sebuah daerah lestari, inklusif dan sejahtera untuk semua lapisan masyarakat. Majlis telah menetapkan lima (5) teras strategik utama dalam Pelan Strategik 2025-2030 sebagai pemacu kepada segala dasar, inisiatif dan program. Teras-teras ini menjadi panduan penting agar setiap usaha pembangunan berada di landasan transformasi yang mampan dan berimpak tinggi:

*T*eras Strategik 1 - Memperkukuh Pengurusan Kewangan dan Peningkatan Sumber Hasil Memantapkan tadbir urus fiskal, meningkatkan kecekapan kutipan hasil serta memperluas sumber pendapatan daerah bagi memastikan kestabilan kewangan yang menyokong pembangunan lestari.

*T*eras Strategik 2 - Tadbir Urus Pintar: Memacu Masa Depan Digital Kerian Mengarus perdanakan teknologi digital dalam penyampaian perkhidmatan, memperkukuh infrastruktur pintar serta membangunkan ekosistem digital yang inklusif untuk warga Kerian.

*T*eras Strategik 3 - Memantapkan Tadbir Urus Organisasi dan Kecemerlangan Penyampaian Perkhidmatan Memperkasa budaya profesionalisme, integriti dan inovasi dalam organisasi Majlis bagi menghasilkan perkhidmatan awam yang cekap, responsif dan berorientasikan pelanggan.

*T*eras Strategik 4 - Memperkasa Pengurusan Perbandaran dan Pembangunan Sosial untuk Kesejahteraan Komuniti Mengukuhkan pengurusan perkhidmatan bandar serta melaksanakan inisiatif pembangunan sosial yang menitikberatkan kualiti hidup, perpaduan komuniti dan keselamatan awam.

*T*eras Strategik 5 - Perancangan Pembangunan Mampan: Alam Sekitar Mampan dan Daya Saing Merangka dan melaksanakan pelan pembangunan seimbang antara pertumbuhan fizikal dan pemeliharaan alam sekitar agar Kerian kekal lestari, hijau dan berdaya saing dalam jangka panjang.

*K*elima-lima teras ini bukan sekadar retorik, sebaliknya adalah komitmen tindakan yang akan diterjemahkan melalui strategi terperinci dan program berimpak tinggi. Justeru, saya menyeru seluruh warga Kerian agar berganding bahu dan mengembleng tenaga dengan penuh keazaman. Marilah kita jadikan tahun 2025 sebagai detik penciptaan legasi gemilang untuk daerah ini bukan sahaja dikenang kerana sejarah dan tradisinya, tetapi juga kerana kejayaan membentuk masa depan yang makmur dan berdaya tahan. Akhir kata, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang terlibat dalam penerbitan Buletin Majlis Daerah Kerian Tahun 2025. Semoga ia menjadi sumber inspirasi dan refleksi kepada seluruh warga, serta pendorong untuk kita terus berbakti dengan penuh keikhlasan dan kesungguhan.

*S*ekian, wabillahi taufik walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Tuan Helmi bin Yusof @ Jusoh P.C.M., A.M.P.  
Yang Dipertua  
Majlis Daerah Kerian

***PENYERAHAN PELAN INDUK LANDSKAP 2035  
MAJLIS DAERAH KERIAN DARIPADA JABATAN LANDSKAP  
NEGARA SEMENA SAMBUTAN HARI BUMI 2025 DAN  
KEMPEN PENGHIJAUAN KERIAN***



**27 Mei 2025** - Penyerahan dokumen Pelan Induk Landskap (PIL) Majlis Daerah Kerian 2035 telah disempurnakan oleh Encik Ahmad Syaharuddin bin Kamaruddin, Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan) Jabatan Landskap Negara kepada Tuan Helmi bin Yusof@Jusoh, Yang Dipertua Majlis Daerah Kerian semasa Sambutan Hari Bumi 2025 dan Kempen Penghijauan Kerian di Pengkalan Sungai Protan, Mukim Selinsing, Daerah Kerian. Tuan Yang Dipertua Majlis Daerah Kerian seterusnya menyampaikan satu salinan dokumen kepada Tuan Saidi bin Haji Shaari, Pegawai Daerah Kerian sebagai simbolik untuk diguna pakai dalam daerah Kerian. Penyerahan dokumen ini disaksikan oleh Setiausaha Majlis Daerah Kerian, Ahli-ahli Majlis Daerah Kerian, ketua jabatan pelbagai agensi dan masyarakat setempat yang hadir dalam program ini.



Kajian Pelan Induk Landskap (PIL) Majlis Daerah Kerian 2035 merupakan satu dokumen pernyataan bertulis yang mengandungi Perancangan Landskap dan Pelan Tindakan Jangka Masa Panjang untuk tempoh 10 tahun bagi pembangunan landskap di sesebuah kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang menggariskan cadangan dalam bentuk polisi, strategi, kaedah kawalan, garis panduan pelaksanaan dan cadangan projek landskap yang sesuai serta langkah-langkah untuk memelihara alam sekitar di samping mewujudkan identiti reka bentuk dan suasana selesa dan selamat kepada masyarakat setempat.

Pembentukan PIL ini adalah hasil kajian faktor penilaian karakter landskap iaitu faktor fizikal, faktor semula jadi dan faktor sosiobudaya yang dikenal pasti dalam penemuan dan analisis yang telah dijalankan. Visi dan misi yang dirangka adalah berlandaskan kepada Wawasan RTD Kerian 2035 iaitu; "Memperkasa Daerah Kerian Sebagai Pemacu Pembangunan Wilayah Utara Negeri Perak Berfokuskan Kepada Pertanian, Industri Asas Tani dan Agro Pelancongan".

**PROGRAM SAMBUTAN HARI BUMI 2025 DAN  
KEMPEN PENGHIJAUAN KERIAN****TARIKH: 27 Mei 2025****TEMPAT :** Kawasan tapak tanam hasil bakau, Kompartmen 12, Hutan Simpan Sungai Baharu, Selinsing

Majlis Daerah Kerian dengan kerjasama Jabatan Perhutanan, Pejabat Hutan Daerah Larut Matang telah mengadakan enam siri program penanaman bakau sejak tahun 2020 serta merakyatkan Kempen Penanaman Pokok dengan melibatkan jabatan, agensi serta komuniti tempatan dari pelbagai latar belakang. Program kali ini telah berjaya menanam sebanyak 1,000 anak benih pokok bakau dengan 400 anak benih ditaja oleh syarikat industri tempatan iaitu Y.S. Foam Sdn. Bhd.

Program Sambutan Hari Bumi dan Kempen Penghijauan Kerian 2025 adalah bertujuan untuk meningkatkan kesedaran semua pihak mengenai pentingnya kawasan litupan hijau dan hutan untuk kesejahteraan dan kualiti hidup selain usaha untuk menambah baik ekosistem dan biodiversiti negara kita. Tema Hari Bumi Sedunia 2025 adalah "Our Power, Our Planet". Kuasa di tangan kita, masa depan milik bersama membawa mesej penting bahawa kuasa dan tanggungjawab menjaga bumi ini berada di tangan kita semua. Ia menyeru kepada semua lapisan masyarakat untuk bangkit dan memainkan peranan semua dalam usaha melindungi alam sekitar. Kempen ini juga memupuk semangat cintakan alam semula jadi melalui penanaman pelbagai jenis pokok kepada segenap lapisan masyarakat serta menyokong komitmen untuk mengekalkan litupan kawasan berhutan di Malaysia.

Terdapat 3 acara utama bagi program kali ini iaitu Sambutan Hari Bumi 2025, Kempen Penghijauan Kerian Penanaman Bakau Siri ke 6 dan Penyerahan Pelan Induk Landskap 2035 Majlis Daerah Kerian daripada Jabatan Landskap Negara serta pemberian 100 benih pokok kelapa dari Jabatan Pertanian kepada penduduk Kampung Sungai Protan.



**MAJLIS KUNJUNG HORMAT DAN PERBINCANGAN AWAL PEMBANGUNAN KAWASAN INDUSTRI LEMBAH BERIAH**

**16 April 2025** - Majlis Daerah Kerian telah menerima lawatan kunjung hormat daripada MK Land Holdings Sdn.Bhd, Prof. Xu Sizhong (Chief Representative of China Hi-Tech Education in Malaysia and Oversea Development (Consultant of Sanhuan Group) dan SSR Planning Sdn.Bhd, selaku "Investment Consultancy Partner" yang ingin mendapatkan maklumat lengkap tentang Kawasan Perindustrian Lembah Beriah yang terletak di atas sebahagian kawasan pembangunan bandar Teknopolis Lembah Beriah.

Sesi taklimat dan perbincangan ini diketuai oleh Puan Norhafisah binti Haji Mohamad, Setiausaha Majlis Daerah Kerian dan hadir bersama dalam program ini ialah Ketua Jabatan Perancangan Bandar dan Landskap dan Ketua Unit Setempat.

Pertemuan awal ini diharapkan menjadi pemangkin kepada pembangunan dan pelaburan di kawasan Lembah Beriah.

**TAKLIMAT BERKAITAN PROJEK-PROJEK BERIMPAK TINGGI DAN BERPOTENSI DI DAERAH KERIAN, PERAK DALAM KAWASAN JAWATANKUASA PERANCANG WILAYAH BAGI NEGERI-NEGERI DI UTARA MALAYSIA**

**15 Mei 2025** - Majlis Daerah Kerian telah menerima kunjungan hormat daripada Plan Malaysia Putrajaya (Jabatan Perancangan Bandar & Desa) yang diketuai oleh Puan Mazisalwani binti Mahyuddin bagi mendapatkan maklumat tentang potensi, kelebihan, isu dan masalah berkaitan kawasan sempadan tiga daerah dan negeri (Daerah Kerian (Perak), Daerah Bandar Baharu (Kedah), Daerah Seberang Perai Selatan (Pulau Pinang)).

Sesi taklimat dan perbincangan ini telah diketuai oleh Ketua Jabatan Perancangan Bandar dan Landskap, TPr. Haji Anas bin Dolah. Selesai taklimat, rombongan ini turun padang ke sekitar sempadan antara tiga daerah/negeri itu untuk mendapatkan gambaran yang lebih jelas mengenai keunikan geografi sekitar tapak dan keindahan yang terdapat di antara sempadan tersebut.

***PERTANDINGAN AKHIR INOVASI MALA 3.0:  
PIALA YB MENTERI KPKT TAHUN 2024 - 2025***

Johor Bahru-Pada 24 April 2025, Kumpulan Meteor 2.0 yang mewakili Majlis Daerah Kerian telah membentangkan produk inovasi Perangkap Pintar atau Easy Smart Cage@ESmaC di peringkat akhir Pertandingan Inovasi MALA 3.0: Piala YB Menteri KPKT tahun 2024-2025 yang berlangsung di Dewan Kenanga, Majlis Bandaraya Johor Bahru, Johor.

Pada masa yang sama, kumpulan ini turut menyertai pameran reruai produk inovasi bersama 29 kumpulan daripada pelbagai PBT seluruh Malaysia yang layak bertanding di peringkat ini. Menyentuh tentang produk inovasi ini, perangkap anjing yang dihasilkan dilengkapi dengan elemen teknologi serta mempunyai ciri-ciri keselamatan sekaligus memudahkan dan melindungi anggota penguat kuasa dalam melakukan tugas tangkapan anjing terbiar di lapangan.

Semasa pengumuman pemenang pertandingan ini dalam Majlis Makan Malam Aidilfitri MALA 2025 dan Penyampaian Hadiah Pertandingan Inovasi MALA 3.0 bagi tahun 2024-2025 yang diadakan pada 25 April 2025, Majlis Daerah Kerian telah berjaya membawa pulang RM20,000.00 dalam bentuk geran projek KPKT dan wang tunai MALA RM500.00, piala iringan serta sijil penyertaan. Tuan Helmi bin Yusof@Jusoh, Yang Dipertua Majlis Daerah Kerian dan Puan Norhafisah binti Haji Mohamad, Setiausaha Majlis Daerah Kerian yang juga Ketua Kumpulan Meteor 2.0 telah menerima hadiah ini daripada YBhg. Dato' Haji Abd Hamid Hussain, Presiden MALA



***SESI PERKONGSIAN ILMU PROJEK  
INOVASI BERSAMA JABATAN BOMBA  
DAN PENYELAMAT BAGAN SERAI***

Kumpulan Meteor 2.0 Majlis Daerah Kerian telah menghadiri sesi perkongsian ilmu projek inovasi di Balai Bomba dan Penyelamat Bagan Serai pada 9 Januari 2025. Ketibaan kumpulan Meteor 2.0 yang diketuai oleh Setiausaha Majlis, Puan Norhafisah binti Haji Mohamad bersama tujuh orang ahli dan seorang urus setia telah disambut oleh PPgB Faisol bin Soied@Shuaib, Ketua Balai Bomba dan Penyelamat Bagan Serai dan Kumpulan Serai In-Tech.

Taklimat projek inovasi Serai Generation 01 telah disampaikan oleh Ketua Kumpulan Serai In-Tech PBKii Encik Mohd Suhairi bin Jum'uri dan untuk taklimat projek inovasi ESmaC telah disampaikan oleh Puan Norhafisah binti Haji Mohamad.

Sebelum program berakhir, kumpulan juga sempat berkongsi idea bagi menambah baik produk dan pengalaman dalam pertandingan KIK dan inovasi yang disertai sebelum ini.



***SESI PENGENALAN SISTEM PENGURUSAN ASET  
ALIH KERAJAAN OLEH KUMPULAN KIK KSTAR***

**29 Mei 2025** - Majlis Daerah Kerian telah menerima kunjungan daripada Kumpulan Inovasi dan Kreatif KSTAR dari Jabatan Kerja Raya Daerah Kerian seramai 11 orang yang diketuai oleh Jurutera Daerah, Puan Ir. Amisah binti Ahwang bagi memperkenalkan produk KIK mereka iaitu Sistem Pengurusan Aset Alih Kerajaan.

Sesi ini dimulakan dengan penerangan tentang produk KIK oleh pihak JKR Daerah Kerian dan diteruskan dengan sesi soal jawab berkaitan produk itu.



**BENKEL PELAN STRATEGIK  
MDK 2025-2030**

Pada 15 Mei 2025 hingga 17 Mei 2025 pengurusan Majlis Daerah Kerian telah menganjurkan bengkel kedua Pelan Strategik Majlis Daerah Kerian yang merangkumi tahun pelaksanaan 2025-2030. Bengkel ini adalah kesinambungan daripada bengkel pertama yang telah diadakan pada 13 Mac 2025 di Bilik Alamanda, Majlis Daerah Kerian.

Bengkel kedua ini telah diadakan di The Jerai Hotel, Alor Setar, Kedah yang melibatkan seramai tujuh orang Ahli Majlis dan 31 orang kakitangan Majlis Daerah Kerian daripada pelbagai gred. Tujuan bengkel ini diadakan adalah untuk memastikan hala tuju dan matlamat organisasi dicapai secara terancang, berkesan dan selaras dengan dasar kerajaan. Pelan strategik ini biasanya dikaji semula secara berkala untuk memastikan ia kekal relevan dengan perkembangan semasa. Di dalam bengkel ini juga, peserta telah berjaya berbincang bersama untuk mewujudkan visi, misi dan moto Majlis Daerah Kerian yang baru.

**MAJLIS SAMBUTAN AIDILFITRI PERINGKAT  
MAJLIS DAERAH KERIAN**

**17 April 2025** - Majlis Daerah Kerian telah mengadakan Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri yang berlangsung dengan penuh kemeriahan di Dewan Kerian Permai Parit Buntar. Majlis yang diadakan ini bertujuan untuk mengeratkan lagi hubungan silaturrahim antara agensi, pemegang taruh, NGO, pihak swasta dan anggota kerja majlis secara khususnya.

Yang Dipertua Majlis Tuan Helmi bin Yusof @ Jusoh serta Setiausaha Puan Norhafisah binti Hj. Mohamad turut menyampaikan duit raya kepada kanak-kanak yang hadir. Selain itu, turut diadakan Pertandingan Gerai Tercantik yang telah dimenangi oleh Zon Ametist dari Jabatan Perbendaharaan. Pertandingan yang diadakan ini bertujuan menonjolkan kreativiti setiap Zon 5s dalam menghias gerai masing-masing. Sambutan Hari Raya Aidilfitri dimeriahkan dengan pelbagai juadah yang disediakan oleh gerai-gerai melibatkan kerjasama semua unit, bahagian, jabatan dalaman Majlis Daerah Kerian



**CERAMAH INTEGRITI: IBRAH KORBAN DALAM KEHIDUPAN DAN KERJAYA MEMBANGUN INTEGRITI**

**3 Jun 2025** - Unit Integriti Majlis Daerah Kerian telah menganjurkan ceramah integriti bertajuk Ibrah Korban: Membangun Integriti Dalam Kehidupan dan Kerjaya di Bilik Alamanda, Majlis Daerah Kerian dan live facebook Majlis Daerah Kerian. Ceramah ini telah disampaikan oleh Ustaz Syamsul Amri bin Ismail (Syamsul Debat), pendakwah bebas. Dianggarkan seramai 70 orang telah hadir ke sesi ceramah ini yang terdiri daripada ketua jabatan, anggota kerja MDK dan pekerja-pekerja cawangan Parit Buntar.

Penceramah memulakan dengan memperkenalkan konsep korban dalam Islam, yang melambangkan pengorbanan ikhlas demi mendapatkan keredhaan Allah. Ibrah dari kisah Nabi Ibrahim dan anaknya, Ismail menjadi teladan utama tentang keikhlasan dan taqwa. Pengorbanan yang dilakukan adalah untuk menanamkan rasa tanggungjawab dan kepercayaan terhadap Allah. Dalam kehidupan harian, integriti membentuk keperibadian yang kukuh dan amanah. manakala dalam konteks kerjaya, integriti memastikan seseorang menjalankan tugas dengan jujur dan bertanggungjawab. Selain itu, penceramah menerangkan beberapa nilai dan sifat yang perlu dimiliki oleh setiap orang antaranya sifat kesabaran, bersyukur dengan apa yang ada, percaya kepada hikmah, redha dengan ujian yang dihadapi dan keikhlasan dalam bekerja.



Pihak majlis mengucapkan terima kasih kepada Ustaz Syamsul Debat di atas perkongsian yang bermanfaat. Semoga apa yang disampaikan dapat menjadi panduan dan motivasi dalam kehidupan sehari-hari demi mencapai kejayaan di dunia dan akhirat.

**MAJLIS PELANCARAN KERIAN DIGITAL COMMAND CENTER**

**30 Mei 2025** - Majlis Daerah Kerian terus berusaha dalam memastikan perkhidmatan yang diberikan adalah pada tahap yang terbaik dengan pelancaran Kerian Digital Command Center (KDCC). Pusat kawalan ini antara indikator yang perlu dipatuhi untuk pengiktirafan early adopter di bawah Program Smart City. Pusat kawalan ini digunakan bagi pemantauan cctv yang telah dipasang di daerah Kerian dan masih di peringkat uji coba untuk pemantauan smart pole dan smart street light. Pusat kawalan ini dapat memudahkan tugas kakitangan dan dapat memberi manfaat kepada penduduk.

Majlis pelancarannya telah disempurnakan oleh Tuan Helmi bin Yusof@Jusoh, Yang Dipertua Majlis Daerah Kerian. Turut serta dalam program ini Puan Setiausaha Majlis, Ahli-ahli Majlis serta ketua-ketua jabatan MDK.



**KERIAN HIJAU, BERSIH & INDAH**

BIL.	TARIKH	PROGRAM	KETERLIBATAN	LOKASI
1.	15/1/2025	Driving School Sharing session - Kursus Mencuci Tandas	PLUS, UEM EDGENTA & 8 orang kakitangan MDK	Tol Plaza Alor Pongsu
2.	19/1/2025	Program Gotong-royong, Kitar Semula & E-waste Bersama Komuniti Kuala Bagan Tiang	Komuniti Kuala Bagan Tiang & MDK	Perkarangan Surau Diri Jumaat Asy Syarif Kuala Bagan Tiang, Tanjung Piandang
3.	7/2/2025	Program Kitar Semula Peringkat Anggota Kerja MDK 2025	Anggota kerja MDK	Perkarangan Laman Madani, MDK
4.	15/2/2025	Program Beach Clean Up di Pantai Ban Pecah	Persatuan Pengakap Daerah Kerian dengan kerjasama Majlis Daerah Kerian	Pantai Ban Pecah
5.	16/2/2025	Program Gotong-royong, Kitar Semula dan E-waste Taman Kerian Indah	MDK	Taman Kerian Indah
6.	21/3/2025	Pembersihan di Stesen Bas Bagan Serai	MDK	Stesen Bas Bagan Serai
7.	25/3/2025	Pembersihan di Hentian Raya Parit Buntar	MDK	Hentian Raya Parit Buntar
8.	16/4/2025	Pembersihan di Gerai Penjaja Jalan Maharaja, Hentian Raya Parit Buntar	KRT Taman Kerian Indah & MDK	Gerai Penjaja Jalan Maharaja, Parit Buntar
9.	9/5/2025	Kempen Hindari Plastik Sekali Guna dan Kutipan Barangan Kitar Semula	Jawatankuasa Masjid Jamek (Daerah) Bagan Serai, Jawatankuasa Masjid Al Athar Masjid Tinggi Bagan Serai, MDK	Masjid Jamek (Daerah) Bagan Serai dan Masjid Al Athar Masjid Tinggi Bagan Serai



**PROGRAM TURUN PADANG**

BIL.	TARIKH	PROGRAM
1.	2/1/2025	Melakukan tinjauan berkaitan aduan dan isu-isu berbangkit dalam IPMC - Sekitar Taman Kerian dan Kawasan Perindustrian Parit Buntar
2.	3/1/2025	Turun padang di No. 8 Batu ½ (Lot 11147) Jalan Siakap, Bagan Serai berkaitan permohonan lesen sewa dewan (Majlis Perkahwinan)
3.	3/1/2025	Melakukan pemantauan di sekitar lokasi yang menerima aduan awam (pusat snooker) - Prima Bagan Serai
4.	3/1/2025	Melakukan pemantauan di sekitar lokasi yang menerima aduan awam (perabot terpakai) - Taman Kurau Sentosa Kuala Kurau
5.	9/1/2025	Lawat periksa berkenaan aduan awam berkaitan pembinaan berkaitan operasi kolam ternakan udang yang dijalankan tanpa kelulusan PT 704, Mukim Bagan Tiang.
6.	15/1/2025	1) Meninjau kerosakan bangunan milik MDK di Bukit Merah, Bagan Serai, Kuala Kurau dan Pekan Batu Lima, Parit Buntar bagi tujuan permohonan peruntukan kepada kerajaan persekutuan. 2) Pemeriksaan aset-aset MDK Pantai Ban Pecah, Taman Pinggiran Sungai Kuala Kurau & GeraBatu Lima
7.	16/1/2025	Lawat periksa berkenaan aduan awam berkaitan pembinaan yang dijalankan tanpa kelulusan - Lot 19513-Lot 19516, Mukim Bagan Serai.
8.	16/1/2025	Melakukan pemeriksaan di lokasi yang mempunyai rizab Sekitar tempat letak kereta (rizab) di Pekan Lama, Jalan Keli dan Taman Wawasan
9.	17/1/2025	Turun padang Di Arena Square, Dataran Kerian Permai, Parit Buntar bagi meninjau dan menyelesaikan masalah bekalan air. Ekspo berlangsung 17 Januari 2025 hingga 21 Januari 2025.
10.	18/1/2025	Melakukan pemeriksaan dan pemantauan keatas penyewa Pasar Sejahtera Tg. Piandang
11.	20/1/2025	Melakukan tinjauan berkaitan aduan dan permohonan tanah sekitar Simpang Lima (aduan) dan permohonan tanah kerajaan
12.	22/1/2025	Rondaan mengenal pasti operasi premis tanpa kelulusan - Sebahagian kecil kawasan Gunung Semanggol.
13.	24/1/2025	Turun padang di Lot 2220 Simpang Lima Parit Buntar (memproses simen konkrit). Terdapat aduan daripada rumah di lot bersebelahan (lot 2219) isu bunyi bising dan habuk.
14.	24/1/2025	Melakukan pemeriksaan dan pemantauan keatas premis sewaan - Pantai Ban Pecah
15.	17/1/2025	Lawat periksa aduan binaan kediaman yang dijalankan tanpa kelulusan. Tanah kerajaan (berhampiran Tmn. Pekan Baru), Mukim Parit Buntar.
16.	6/2/2025	Lawat periksa aduan binaan tambahan pada kediaman sedia ada jiran yang menimbulkan kacau ganggu (tanpa kelulusan) No. 6, Jln. LB 2/1, Bdr. Lembah Beriah.
17.	7/2/2025	Lawat periksa aduan binaan tandas yang menimbulkan kacau ganggu bau dan penglihatan (Lot 16450, Tamil Mission, Mukim Bgn. Serai)
18.	10/2/2025	Menviasat aduan awam (bunvi) berkaitan bengkel kereta & besi Kampung Kedah Parit Buntar
19.	18/2/2025	Penguatkuasaan binaan tanpa kebenaran di atas rizab (Rizab Jalan, Jin. Serai Permai 8, Tmn. Serai Permai, Mukim Bagan Serai).
20.	18/2/2025	Operasi Haiwan Merayau Taman Kerian Indah



**PROGRAM TURUN PADANG**

BIL.	TARIKH	PROGRAM
21.	20/2/2025	Turun padang di Lot 2220 Simpang Lima, Parit Buntar bagi mengukur tahap bunyi bising daripada proses membancuh simen konkrit di lot 2220, Simpang Lima, Parit Buntar.
22.	27/2/2025	Lawat periksa aduan pembinaan yang dijalankan di luar waktu yang dibenarkan hingga menimbulkan kacau ganggu bising (No. 46, Jln. Indah 3, Tmn. Kerian Indah, Mukim Parit Buntar)
23.	27/2/2025	Turun padang di no. 46 Jalan Indah 3 Taman Kerian Indah 34200 Parit Buntar, berkaitan aduan kacau ganggu pihak kontraktor.
24.	4/3/2025	Lawatan turun padang berkenaan aduan mohon tindakan untuk merobohkan sebarang bangsal/khemah/binaan yang terbiar di sepanjang jalan aduan Laluan Persekutuan 75, Jln. Bon. Serai-K.Kurau (Jin Siakap), Mukim Bon. Serai
25.	6/3/2025	Lawatan turun padang berkenaan aduan berlaku keretakan, bising dan banjir akibat pembangunan skim perumahan baru Lot 7868 & Taman Pelangi (Sedia Ada), Mukim K. Kurau
26.	11/3/2025	Turun padang ke tapak ekspo Aidilfitri di Jalan Setia, Pusat Bandar Bagan Serai bertujuan menyelesaikan masalah elektrik dan peralatan kipas yang masih belum disediakan oleh pihak kontraktor yang dilantik
27.	11/3/2025	Turun padang ke tapak ekspo Aidilfitri di Dataran Alamanda, Pusat Bandar Parit Buntar bertujuan menyelesaikan masalah bekalan elektrik di setiap khemah yang masih belum disediakan oleh pihak kontraktor yang dilantik
28.	11/3/2025	Memantau dan memeriksa laluan protokol serta persiapan di lokasi bersempena lawatan Perdana Menteri Tebuk Pancur, Bukit Merah Laketown Resort, Kubu Gajah & Selinsing
29.	13/3/2025	Lawatan turun padang berkenaan aduan pembinaan rumah kediaman tidak mengikut pelan No. 9, Jalan Permai 3/4, Taman Kerian Permai, Parit Buntar
30.	14/3/2025	Memantau dan pemeriksaan laluan protokol serta persiapan di lokasi semula bersempena lawatan Perdana Menteri Sekolah Kebangsaan Dato' Alauddin Selinsing
31.	19/3/2025	Tujuan perjumpaan bersama pengusaha pelantar ikan Bagan Seberang dan wakil peniaga pasar awam Kuala Kurau berkaitan isu jualan hasil laut secara runcit di pelantar menyebabkan jualan di pasar awam terjejas.
32.	22/3/2025	Turun padang bagi pemantauan aktiviti perniagaan melibatkan lokasi di tapak ekspo, tapak kuih raya dan tapak penjaja 10 hari akhir ramadan Pihak Majlis juga menerima aduan isu khemah-khemah bocor yang masih belum dibaiki di Parit Buntar
33.	22/3/2025	Turun padang bagi pemantauan aktiviti perniagaan melibatkan lokasi di tapak ekspo, tapak kuih raya dan tapak penjaja 10 hari akhir ramadan. Pihak Majlis juga menerima aduan isu khemah-khemah bocor yang masih belum dibaiki di Bagan Serai
34.	22/3/2025	Memantau harga jualan hasil laut penyewa Pasar Awam dan pemilik pelantar ikan dan memeriksa fasiliti pasar awam - Pasar Awam Kuala Kurau & Pelantar Ikan Sin Hai Huat Fishery Sdn Bhd Bagan Seberang
35.	28/3/2025	Rondaan & pemeriksaan aset-aset Majlis - Taman Bagan Serai & Hentian Parit Buntar
36.	4/4/2025	Pemantauan aduan kambing berkeliaran di dalam taman perumahan Taman Siakap Indah, Bagan Serai
37.	9/4/2025	Pemeriksaan di lokasi bagi pemasangan CCTV dan pemantauan lokasi aduan pembuangan sampah haram.- Tapak sampah haram Dennistown & Jalan Pantai Kuala Kurau
38.	15/4/2025	Pemantauan aduan kerosakan, kebersihan dan aning terbiar - Kiosk Pantai Ban Pecah
39.	15/4/2025	Turun padang ke lot 669 Jalan Perusahaan Satu, Kawasan Perusahaan Parit Buntar bagi pemeriksaan kilang plastik (Syarikat Titiwangsa Material Sdn Bhd).
40.	22/4/2025	Turun padang ke premis perniagaan kedai runcit di Lot 39A Jalan Parit Buntar Simpang Lima dan Lot 112 Jalan Besar, Simpang Lima Parit Buntar berkaitan permohonan lesen kedai runcit beroperasi di bangunan berstatus kediaman.
41.	22/4/2025	Turun padang ke lot 9538 Sungai Rawa, Simpang Lima, Parit Buntar (Green Ray Technology) yang beroperasi memproses tapak kasut

**PROGRAM TURUN PADANG**

BIL.	TARIKH	TUJUAN
42.	8/5/2025	Pemantauan tapak sampah haram & pelantar ikan Bagan Seberang dan pemeriksaan tempat letak kereta di Taman Wawasan
43.	26/5/2025	Pemeriksaan di lokasi yang diadakan oleh Ahli Majlis berkaitan binaan haram dan barang-barang yang diletakkan di bahu jalan - Taman Seri Tenggara Parit Buntar
44.	28/5/2025	Pemeriksaan 4 penjaja makanan melibatkan aduan daripada SMJK Krian.
45.	13/6/2025	Pemeriksaan di lokasi berlangsung Program Kemampuan Komuniti Bandar dan Program e-duit Desa daerah Kerian - Taman Pinggiran Sungai, Jalan Sungai, Jalan Menteri & Jalan Pasar Parit Buntar
46.	13/6/2025	Turun padang diadakan bagi bertujuan pelaksanaan bayaran tanpa tunai dan pemantauan peniaga pasar malam Parit Buntar
47.	17/6/2025	Lawatan Aduan Ahli Majlis berkaitan pembinaan melibatkan lot lidi lot 8633, Mukim Parit Buntar
48.	17/6/2025	Pemeriksaan premis perniagaan melalui sistem MyPatil & pemantauan penjaja di sekitar pagar sekolah (40 meter daripada pagar sekolah) premis perniagaan Jalan Pasar, Jalan Perwira, Jalan Maharaja 1 Parit Buntar
49.	23/6/2025	Lawatan Aduan Ahli Majlis berkaitan pembinaan dan semak samun di belakang lot rumah kedai di Jalan Siakap, Mukim Bagan Serai
50.	23/6/2025	Lawatan aduan ahli majlis berkaitan pembinaan papan konkrit sehingga menyekat laluan air longkang sedia ada - No. 1&3, Jalan Serai Muda 1, Taman Serai Muda, mukim Bagan Serai



PROGRAM	PROGRAM KUTIPAN LUAR MDK
Tarikh	06.01.2025-09.01.2025 (Dewan Terbuka Kuala Gula) 13.01.2025-16.01.2025 (Pasar Awam Tanjung Piandang) 20.01.2025 (Taman Serai Jaya) 21.01.2025 (Tapak Pasar Pagi Gunung Semanggol) 22.01.2025 (Hadapan Restoran Eda Simpang Empat)
Keterlibatan	Pelanggan MDK - untuk menjelaskan bayaran cukai taksiran, lesen perniagaan, kompaun (TLK) dan sewaan
Tujuan	Memudahkan penduduk untuk melakukan urusan pembayaran di samping usaha untuk memaksimumkan kutipan hasil Majlis Daerah Kerian



PROGRAM	CERAMAH DAN KULIAH MAGHRIB BERKAITAN MDK DENGAN MASYARAKAT
Tarikh	29/1/2025
Lokasi	Masjid Al Ridzuan, Parit Buntar
Kehadiran	Jemaah Masjid
Keterlibatan	Masjid Al Ridzuan, Parit Buntar (Penganjur) Encik Mahzan Bin Mora, Pegawai Tadbir MDK (Penceramah)
Tujuan	Memberi kefahaman tentang perbezaan Majlis Bandaraya, Majlis Pemandaran dan Majlis Daerah, latar belakang MDK, saluran pembayaran atas talian, fungsi Park@Perak, saluran aduan majlis, polisi-polisi ABMS dan saluran aduan intergriti



PROGRAM	TAKLIMAT DAN PERANAN MAJLIS KANSER NASIONAL (MAKNA)
Tarikh	28/2/2025
Lokasi	Bilik Alamanda, Majlis Daerah Kerian
Kehadiran	35 orang kakitangan MDK
Keterlibatan	Encik Muhammad Khairil Anuar bin Mohammad Ghadzali, Pegawai Penerangan, My Place Against Cancer (MPAC)
Tujuan	Mengetahui peranan MAKNA - sebuah pertubuhan sosial yang bukan berasaskan keuntungan dengan misi untuk membantu pesakit kanser yang kurang berkemampuan di seluruh negara.



PROGRAM	PROGRAM EKSKLUSIF BICARA AAFIYAT-STRESS DAN PENYAKIT
Tarikh	17/1/2025
Lokasi	Bilik Alamanda, Majlis Daerah Kerian
Kehadiran	45 orang kakitangan MDK
Keterlibatan	Dr. Mohd Izzat Bin Che Baharom, Penasihat Kesihatan Olive House Utara.
Tujuan	Mengetahui tentang anxiety, simptom, jenis dan punca berlakunya anxiety serta menguruskannya



PROGRAM	LAWATAN PENANDAARASAN DIGITAL DOCUMENT MANAGEMENT SYSTEM 2.0
Tarikh	23/4/2025
Lokasi	Majlis Daerah Batu Gajah
Kehadiran	13 orang kakitangan MDK
Tujuan	Menimba ilmu pengetahuan tentang pelaksanaan DDMS

PROGRAM	ZIARAH KASIH KAKITANGAN MDK
Tarikh	9/5/2025
Lokasi	Kediaman Encik Amirudin bin Nyub, Pembantu Awam, Jabatan Perancangan Bandar dan Landskap di Taman Semarak, Parit Buntar
Kehadiran	Jemaah Masjid
Tujuan	Menziarahi Encik Amirudin bin Nyub, Pembantu Awam, Jabatan Perancangan Bandar dan Landskap yang terlanter sakit kerana diserang angin ahmar pada 27 Februari 2025



PROGRAM	PROGRAM PEMERIKSAAN PERGIGIAN KEPADA WARGA MDK
Tarikh	3/6/2025 dan 4/6/2025
Lokasi	Dewan Komuniti Bagan Serai (3/6/2025) dan Dewan Merdeka Parit Buntar (4/6/2025)
Kehadiran	25 orang kakitangan MDK (3/6/2025) caw. BS, K.Kurau & tapak pelupusan 71 orang kakitangan MDK (4/6/2025) - ibu pejabat & cawangan Parit Buntar
Keterlibatan	Pejabat Kesihatan Pergigian Daerah Kerian
Tujuan	Pemeriksaan pergigian, saringan kanser mulut dan rawatan penskaleran

PROGRAM	SAMBUTAN HARI LANDSKAP NEGARA 2025
Tarikh	26/6/2025
Lokasi	Taman Bandar Bukit Layang-Layang, Pasir Gudang, Johor
Kehadiran	4 orang kakitangan MDK
Tetamu kehormat	Yang Amat Mulia Che' Puan Mahkota Khaleeda Johor, YAB Menteri Besar Johor. YB Menteri KPKT.

PROGRAM	SESI LIBAT URUS CUKAI TAKSIRAN BERSAMA PENDUDUK DI PSKT KUALA GULA
Tarikh	21/6/2025
Lokasi	Masjid Al-Taufiqiah, Kuala Gula.
Kehadiran	Pegawai Khas YAB Menteri Besar Perak bagi DUN Selinsing, Encik Mohamad Noor bin Dawoo, Ahli Majlis Puan Chua Seok Kheng dan Puan Yeap Hui Min, Ahli Jawatankuasa Penduduk Penyusunan Semula Kampung Tradisional (PSKT) Kuala Gula, Pegawai Majlis Daerah Kerian
Tujuan	Taklimat berkenaan pelaksanaan cukai taksiran di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171)



PROGRAM	LIBAT URUS KEBERSIHAN TANDAS KESIHATAN TERJAMIN
Tarikh	15/5/2025
Lokasi	Dewan Merdeka Parit Buntar
Kehadiran	Agensi kerajaan, swasta dan komuniti setempat
Tujuan	Meningkatkan kesedaran awam mengenai kepentingan menjaga kebersihan tandas dan pengenalan aplikasi MyWC, iaitu sistem penarafan bintang tandas awam yang boleh digunakan secara atas talian dan sendiri.



PROGRAM	PROGRAM KELESTARIAN DAN PENGINDAHAN ZON PARIT BUNTAR
Tarikh	24/5/2025
Lokasi	Taman Berlian, Parit Buntar
Keterlibatan	Penduduk Taman Berlian, Parit Buntar dan MDK
Aktiviti	Gotong royong, penanaman pokok, pengumpulan barang kitar semula dan e-waste, kaunter kutipan bergerak, pemeriksaan kesihatan dan pemeriksaan pergigian serta pertandingan mewarna.



PROGRAM	PROGRAM FUN WALK & RUN
Tarikh	3/1/2025 dan 16/5/2025
Lokasi	laluan sejauh 4 kilometer bermula dari Majlis Daerah Kerian ke Jalan Sempadan, Jalan Mahkamah, Jalan Dewan, Pinggiran Sungai Kerian, Jalan Taiping dan Majlis Daerah Kerian sebagai titik penamat.
Keterlibatan	Kakitangan MDK – 30 orang (3/1/2025) & 40 orang (16/5/2025)
Tujuan	Memupuk budaya gaya hidup sihat, mengeratkan silaturahim dalam kalangan kakitangan serta menyemarakkan semangat berpasukan



PROGRAM	MESYUARAT AGUNG KELAB SUKAN DAN KEBAJIKAN MAJLIS DAERAH KERIAN TAHUN 2025/2027
Tarikh	28/2/2025
Lokasi	Dewan Kerian Permai, Parit Buntar
Keterlibatan	174 orang ahli KSK MDK
Tujuan	<ol style="list-style-type: none"> <li>1) Membentangkan laporan aktiviti serta program yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2024.</li> <li>2) Pembentangan laporan kewangan kelab bagi tahun berakhir 31 Disember 2024.</li> <li>3) Pembubaran Ahli Jawatankuasa sesi 2023/2025 dan pelantikan Ahli Jawatankuasa baharu bagi sesi 2025/2027.</li> </ol>

PROGRAM	PENYERAHAN SUMBANGAN HAMPER
Tarikh	26/3/2025
Lokasi	Majlis Daerah Kerian
Keterlibatan	Setiausaha Majlis Daerah Kerian Puan Norhafisah binti Haji Mohamad dan Puan Ruhana binti Ramli Penolong Kanan Kokurikulum SK Kuala Gula merangkap Naib Pengerusi Kejohanan Sofbol MSSD Kerian
Tujuan	Tanda sokongan terhadap usaha memupuk semangat kesukanan dan pembangunan bakat pelajar sekolah dalam sukan sofbol di peringkat daerah.



PROGRAM	TAZKIRAH RAMADAN MUBARAK "MENCARI HIKMAH DI SEBALIK WAHYU"
Tarikh	21/3/2025
Lokasi	Majlis Daerah Kerian
Penceramah	Al-Fadhil Ustaz Immanuel Hayat bin Azman Mahani
Kehadiran	Kakitangan MDK
Tujuan	Merungkai hikmah penurunan kitab suci Al-Quran kepada seluruh umat manusia

PROGRAM	PROGRAM SERAHAN SUMBANGAN BAUCAR RAYA
Tarikh	20/3/2025
Lokasi	Majlis Daerah Kerian
Penyampai	Tuan Helmi bin Yusof @ Jusoh, Yang Dipertua Majlis Daerah Kerian merangkap Penasihat Kelab Sukan dan Kebajikan Majlis Daerah Kerian
Tujuan	Bagi meringankan beban kewangan anggota kerja MDK sempena menyambut Hari Raya Aidilfitri 1446H



PROGRAM	PROGRAM MEMASAK BUBUR LAMBUK
Tarikh	20/3/2025
Lokasi	Perkarangan Majlis Daerah Kerian
Keterlibatan	Yang Dipertua Majlis Daerah Kerian Tuan Helmi bin Yusof@Jusoh, Setiausaha Majlis Daerah Kerian Puan Norhafisah binti Haji Mohamad, ketua-ketua jabatan dan anggota kerja MDK



PROGRAM	MAJLIS KHATAM AL-QURAN
Tarikh	26/3/2025
Lokasi	Dewan Kerian Permai, Parit Buntar
Keterlibatan	Ustazah Salasiah binti Yeop, Puan Norhafisah binti Haji Mohamad Setiausaha Majlis Daerah Kerian dan peserta khatam Al-Quran MDK



PROGRAM	PROGRAM IBADAH KORBAN MAJLIS DAERAH KERIAN 1446H/2025M
Tarikh	9/6/2025
Lokasi	Perkarangan Majlis Daerah Kerian
Keterlibatan	Yang Dipertua Majlis Daerah Kerian Tuan Helmi bin Yusof@Jusoh, Setiausaha Majlis Daerah Kerian Puan Norhafisah binti Haji Mohamad, ketua-ketua jabatan dan anggota kerja MDK



## **ZUMBA JOM SIHAT BERSAMA KOMUNITI**

**8 Februari 2025** - Majlis Daerah Kerian di bawah Local Agenda 21 (LA21) Kerian telah menganjurkan program Zumba Jom Sihat Bersama Komuniti bertempat di Padang Sintetik Parit Buntar.

Program ini telah berjaya menarik penyertaan hampir 200 orang. 3 orang instruktur telah dijemput iaitu Zin Nash, MTVI Nazz dan Zin Danish. Program ini telah dihadiri oleh Setiausaha Majlis Daerah Kerian, Puan Norhafisah binti Haji Mohamad, ketua ketua jabatan MDK dan penduduk setempat

Program yang ini akan dilaksanakan secara berkala bagi memupuk kesedaran kepada orang ramai membudayakan gaya hidup sihat.



## **SENAMROBIK & ZUMBA JOM SIHAT BERSAMA KOMUNITI PARIT BUNTAR**

**10 Mei 2025** - Majlis Daerah Kerian (MDK) di bawah Local Agenda 21 (LA21) Kerian telah menganjurkan program Senamrobik & Zumba Jom Sihat Bersama Komuniti bertempat di Padang Sintetik Parit Buntar. Program ini telah berjaya menarik penyertaan hampir 200 orang penduduk setempat.

Shidi KBSI telah mengetuai acara Senamrobik manakala Zin Nasz pula telah mengetuai bagi acara Zumba semasa program tersebut berlangsung. Hadir sama, Tuan Helmi bin Yusof@Jusoh, Yang Dipertua Majlis Daerah Kerian; Ir. Amisah binti Ahwang, Jurutera Daerah JKR Kerian; Puan Norhafisah binti Hj. Mohamad Setiausaha Majlis Daerah Kerian serta ketua ketua Jabatan MDK. Program ini diteruskan dengan ucapan daripada Yang Dipertua MDK dan diakhiri dengan acara cabutan bertuah.

Pihak Majlis mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua yang hadir bagi menjayakan program Senamrobik & Zumba Jom Sihat Bersama Komuniti ini. Yang Dipertua Majlis juga memaklumkan program ini akan dilaksanakan secara berkala dan diharapkan dapat melahirkan masyarakat yang lebih sihat, seimbang dan harmoni.



**PROGRAM KEMAMPAKAN KOMUNITI BANDAR  
2025 KARNIVAL SEMARAK KERIAN**



**14 Jun 2025** - Program Kemampanan Komuniti Bandar Karnival Semarak Kerian yang telah diadakan di Pinggiran Sungai Kerian mendapat sambutan yang amat meriah daripada penduduk setempat yang hadir bersama keluarga serta melibatkan diri di dalam aktiviti-aktiviti yang dijalankan. Dianggarkan seramai 650 orang peserta dan pengunjung yang hadir di dalam program berkenaan.

Program dimulakan dengan aktiviti senamrobik dan pelepasan peserta fun walk yang telah disempurnakan oleh Tuan Helmi bin Yusof@Jusoh Yang Dipertua Majlis Daerah Kerian dan turut dihadiri oleh Tuan Pegawai Daerah Kerian, Jurutera Daerah, wakil Ketua Polis Daerah, Ketua balai Bomba Parit Buntar serta Ahli Majlis.

Antara aktiviti lain yang dilaksanakan adalah Pertandingan Mewarna Kanak-Kanak, Pertandingan Mewarna Warga Emas, pemeriksaan kesihatan, pemeriksaan pergigian, Pertandingan bagi Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) pertandingan sukan tradisional, jualan rahmah, pameran agensi dan gerai jualan.

Pihak majlis merakamkan sekalung penghargaan kepada semua jabatan, agensi dan NGO yang terlibat secara langsung membantu dalam menjayakan dan memeriahkan program pada kali ini.

**MAJLIS APRESIASI DAN ANUGERAH  
PERKHIDMATAN CEMERLANG TAHUN 2024**

**BUKIT MERAH, 18 Februari 2025** - Majlis Apresiasi & Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2024 Majlis Daerah Kerian yang bertemakan Masyarakat Majmuk berlangsung pada pukul 8:00 malam di Bukit Merah Laketown Resort. Majlis penganugerahan ini diadakan bagi menghargai jasa dan sumbangan warga kerja Majlis Daerah Kerian (MDK) yang telah menunjukkan prestasi kerja yang cemerlang pada tahun 2024.

Seramai 16 orang anggota kerja MDK menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang dan 13 orang anggota telah menerima Anugerah Perkhidmatan Terpuji. Majlis pada malam itu juga turut meraikan dan menghargai lima anggota yang bersara pada tahun 2024. Anugerah ini disampaikan oleh Tuan Helmi bin Yusof @ Jusoh, Yang Dipertua Majlis Daerah Kerian.

Tahniah dan syabas diucapkan kepada semua penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang dan Anugerah Perkhidmatan Terpuji, semoga terus berkhidmat dengan cemerlang. Kepada pesara MDK, terima kasih untuk perkhidmatan yang telah diberikan, selamat bersara, jasmu di kenang.



**KUNJUNGAN HORMAT DARI PEJABAT KESIHATAN DAERAH KERIAN  
DAN KLINIK KESIHATAN PERGIGIAN DAERAH KERIAN**

**28 Februari 2025** - Tuan Helmi bin Yusof@Jusoh Yang Dipertua Majlis, telah menerima kunjungan hormat dari Pejabat Kesihatan Daerah Kerian dan Klinik Pergigian Daerah Kerian.

Kunjungan ini bertujuan untuk mengeratkan hubungan strategik diantara kedua-dua agensi serta menjalinkan Kerjasama strategik dalam pelaksanaan program-program yang dapat memberi manfaat kepada penduduk daerah Kerian.



**ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG  
2024 MAJLIS DAERAH KERIAN**



**MAHZAN BIN MORAT**  
PEGAWAI TADBIR (N10)  
JABATAN PERBENDAHARAAN



**MUHAMMAD AIZAT BIN  
MOHD ZUBIR**  
PEN. PEG. PERANCANG BANDAR & DESA (JA5)  
JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN DESA



**NORMEZURA BINTI MEHAT**  
PENOLONG AKAUNTAN (W5)  
JABATAN PERBENDAHARAAN



**NURMAZIAH BINTI ROSLEE**  
PEMBANTU TADBIR (N1)  
JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN



**ZULHAIRIE BIN  
ZAINAL ABIDIN**  
PEMBANTU TADBIR (N1)  
BAHAGIAN PELESENAN



**MOHAMAD FAIZ BIN  
MOHAMAD ZIN**  
PEMBANTU Penguat Kuasa (KP1)  
JABATAN Penguatkuasaan



**MUHAMMAD FAIZ BIN  
MOHAMAD FUAD**  
PEMBANTU PENILAIAN (W1)  
JABATAN PENILAIAN & PGRSN HARTA



**IZZAT MUSTAQIM BIN  
MOHAMAD SHARIF**  
PEMBANTU TADBIR (N1)  
BAHAGIAN TEKNOLOGI MAKLUMAT



**ROSLI BIN AMRAN**  
PEMBANTU KHIDMAT AM (H1)  
BAHAGIAN PENGURUSAN SISA  
PEPEJAL & PEMBERSIHAN AWAM



**ABDUL AZIZ BIN MAT NOR**  
PEMBANTU KHIDMAT AM (H1)  
JABATAN PERANCANGAN BANDAR &  
LANDSKAP



**AHMAD AZLAN BIN  
AHMAD ROSLI**  
PEMBANTU AWAM (H1)  
JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN  
LANDSKAP



**ISMAIL BIN RASHID**  
PEMANDU KENDERAAN (H1)  
BAHAGIAN PENGURUSAN SISA  
PEPEJAL & PEMBERSIHAN AWAM



**MOHD FAUDZI BIN  
WAHAB**  
PEMBANTU KHIDMAT AM (H1)  
JABATAN PERANCANGAN BANDAR  
DAN LANDSKAP



**MOHD LATFI BIN OSMAN**  
PEMBANTU KHIDMAT AM (H1)  
BAHAGIAN PENGURUSAN SISA  
PEPEJAL & PEMBERSIHAN AWAM



**ZAINAL ABIDIN BIN  
ABDULLAH**  
PEKERJA RENDAH AWAM (R1)  
BAHAGIAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL &  
PEMBERSIHAN AWAM



**MUHAMMAD FITRI BIN  
ROSELE**  
PEMBANTU KHIDMAT AM (H1)  
BAHAGIAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL &  
PEMBERSIHAN AWAM



**ANUGERAH PERKHIDMATAN TERPUJI  
2024 MAJLIS DAERAH KERIAN**



**NOR AZLITA BINTI  
ZAINAL ABIDIN**  
PENOLONG JURUTERA (JAG)  
JABATAN BANGUNAN



**MAZIAH BINTI  
ABDULLAH ALI**  
PEMBANTU TADBIR (N2)  
JABATAN PERANCANGAN  
BANDAR DAN LANDSKAP



**MOHD NAEIMI BIN  
MASRUDDIN**  
PEMANDU KENDERAAN (H11)  
BAHAGIAN PENGURUSAN SISA  
PEPEJAL DAN PEMBERSIHAN AWAM



**NUR ADYANI BINTI  
MD RADZI**  
PENOLONG PEGAWAI TADBIR (N5)  
JABATAN PERBENDAHARAAN



**NORAZIYAN BINTI EMRAN**  
PEMBANTU TADBIR (N1)  
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM,  
KORPORAT DAN PELANCONGAN



**MOHAMAD ALIFF AZWAN  
BIN AHMAD LAZIM**  
PEMBANTU AWAM (H11)  
BAHAGIAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL  
DAN PEMBERSIHAN AWAM



**NOORSHALINA  
BINTI PIN**  
PEMBANTU TADBIR (N2)  
JABATAN KEJURUTERAAN



**MOHAMAD FADLI  
BIN JAMALUDIN**  
PEMBANTU PENGUAT KUASA (KP1)  
JABATAN PENGUAT KUASA



**MOHAMMAD SYAHROL ASMIR  
BIN OSMAN**  
PEMBANTU KHIDMAT AM (H1)  
JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN  
LANDSKAP



**ABDUL HAMID BIN  
YAHAYA**  
PEMBANTU TADBIR (N2)  
JABATAN PENILAIAN DAN  
PENGURUSAN HARTA



**RIDZUANDI BIN ROSLAN**  
PEMERIKSA KERETA MOTOR (AB1)  
JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN



**MOHAMAD FIRDAUS BIN  
KAMAL ARIFIN**  
PEMBANTU KHIDMAT AM (H1)  
BAHAGIAN PENGURUSAN SISA  
PEPEJAL DAN PEMBERSIHAN AWAM



**MUSTAFFA BIN  
SAARI @ SHAARI**  
PEMBANTU KHIDMAT AM (H1)  
JABATAN PERANCANGAN BANDAR  
DAN LANDSKAP

**PENERIMA PERSARAAN BAGI TEMPOH  
1 FEBRUARI 2025 HINGGA 8 APRIL 2025  
MAJLIS DAERAH KERIAN**



**MOHD ZABIDI  
BIN NUN**  
PENOLONG PEGAWAI KESIHATAN  
PERSEKITARAN (U6) BAHAGIAN  
PENGURUSAN SISA PEPEJAL  
DAN PEMBERSIHAN AWAM  
TEMPOH PERKHIDMATAN  
1/11/1999 - 5/4/2025



**ZURATON BINTI  
MOHAMED NOORDIN**  
PEMBANTU TADBIR (N3)  
UNIT UNDANG - UNDANG  
TEMPOH PERKHIDMATAN  
1/10/1992 - 1/4/2025



**ROSLI BIN AMRAN**  
PEMBANTU KHIDMAT AM (H1)  
BAHAGIAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL DAN  
PEMBERSIHAN AWAM  
TEMPOH PERKHIDMATAN  
2/7/2007 - 1/2/2025



**MOHD LATFI BIN OSMAN**  
PEMBANTU KHIDMAT AM (H1)  
BAHAGIAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL  
DAN PEMBERSIHAN AWAM  
TEMPOH PERKHIDMATAN  
1/3/2013 - 1/3/2025



**HAMDAN BIN MARZUKI**  
PEMBANTU AWAM (H11)  
BAHAGIAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL  
DAN PEMBERSIHAN AWAM  
TEMPOH PERKHIDMATAN  
1/3/2013 - 8/4/2025